

# RM10 juta untuk projek tebatan banjir

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) memperuntukkan RM10 juta untuk projek tebatan banjir di Shah Alam bagi tempoh jangka masa pendek dan panjang.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, projek fokus pada kawasan Seksyen 13 yang sering ditenggelami banjir kilat.

"Kita dah bentangkan satu kertas kerja untuk melaksanakan projek tebatan banjir di kawasan berkenaan dan telah mendapat kelulusan daripada kerajaan negeri.

"Kerja-kerja akan dimulakan segera dalam tempoh dua minggu dari sekarang selepas kontraktor dilantik," katanya selepas sidang media Persidangan Antarabangsa Eco-Schools 2015 Bersama World Wide Fund For Nature (WWF-Malaysia).

Hadir sama, Timbalan Datuk Bandar Shah Alam, Shukri Mohamad Hamin, Ahli Lembaga Pemegang Amanah WWF-Malaysia, Suhana Dewi Selamat dan Pengarah Konservasi WWF-Malaysia, Dr Sundari Ramakrishna.

Katanya, peruntukan me-



**Sundari (baju merah) dan Suhana mengiringi Zaharin melawat salah satu gerai yang mendapat pengiktirafan kerana menghasilkan produk guna semula.**

rangkumi baik pulih dan pembinaan dua kolam takungan baharu di kawasan Stadium Shah Alam.

"Kami akan menaik taraf kolam takungan sedia ada yang terletak di belakang Masjid Seksyen 13 terlebih dahulu sebelum memulakan pembinaan kolam baru.

"Kolam baharu ini dijangka dibina berhampiran dengan Bazarena Stadium dan hentikan sementara stesen bas ekspres Shah Alam," katanya.

Menurutnya, pam air turut ditambah di kawasan berkenaan sebagai usaha jangka masa

pendek bagi mengatasi banjir selain daripada pembinaan kolam takungan baharu.

"Sebanyak tujuh pam air baharu akan dipasang di kawasan itu dimana lima daripadanya akan diletakkan di kawasan berhampiran Wisma Rozali.

"Kesemua pam ini berskala tahan lasak di mana setiap satunya dapat mengepam air dengan cepat dan berkesan," katanya.

Untuk jangka masa panjang pula, Zaharin berkata, pembesaran dan pemanjangan longkang akan dilakukan di seluruh kawasan berkenaan.